



# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

## **SURAU ABU HURAIRAH DIRASMIKAN DEMI KEMUDAHAN PENGUNJUNG ZOO NEGARA**

*Pembinaan surau melalui instrumen kewangan sosial*

**KUALA LUMPUR, Isnin, [11 September 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) hari ini merasmikan Surau Abu Hurairah yang dibina semula di Zoo Negara Malaysia (Zoo Negara).

Projek pembinaan surau ini telah disempurnakan dengan kerjasama Kementerian Pertahanan (KEMANTAH), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Malaysian Zoological Society. Ia dibina untuk menyediakan kemudahan premis beribadat baharu yang lengkap, selesa serta mesra pengguna kepada para pengunjung dan warga Zoo Negara. Pembinaan surau itu telah bermula pada 16 Januari dan siap dibina pada 16 Mac 2023. Ia dibuka kepada umum pada 29 Jun lalu bersempena cuti Hari Raya Aidiladha.

Nama Surau Abu Hurairah diinspirasi daripada nama sahabat Nabi Muhammad SAW yang terkenal dengan sifat ihsan terhadap haiwan dan boleh dijadikan inspirasi kepada masyarakat dan pengunjung zoo untuk mencontohi sifat terpuji beliau.

Pembinaan surau ini melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM180,000 yang meliputi kos pembinaan bernilai RM151,377.70, dan selebihnya untuk penambahbaikan fasiliti surau. Dana tanggungjawab sosial korporat Bank Islam dan dari inisiatif kewangan sosial, Sadaqa House Bank Islam diguna pakai untuk menyempurnakan projek ini. Ia jelas



BANK ISLAM



mencerminkan impak positif instrumen kewangan Islam seperti sedekah, wakaf serta zakat khasnya dalam pemerkasaan komuniti dan penjagaan alam sekitar.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, Bank Islam amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan KEMENTAH, ATM dan Malaysian Zoological Society dalam menambah baik dan melengkapkan surau di Zoo Negara demi kemudahan pengunjung dan kakitangannya.

"Usaha ini penting bagi Bank Islam kerana Zoo Negara merupakan sebuah destinasi pelancongan utama dan pusat pendidikan hidupan liar yang penting di Malaysia. Pada tahun lalu, ia menerima hampir 600,000 pengunjung dan ini jelas menunjukkan pentingnya penyediaan kemudahan yang selesa bagi pengunjung. Alhamdulillah, Surau Abu Hurairah kini lengkap dengan ciri-ciri mesra pengguna termasuk kemudahan untuk golongan warga emas dan kelainan upaya," katanya.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KEMENTAH, Dr. Mohd Bakhari Ismail, berkata, pembinaan Surau Abu Hurairah melibatkan kecekapan 24 anggota Pasukan 91 Rejimen Bantuan Rejimen Askar Jurutera Diraja yang diketuai oleh Lt Kol Norhejeri Samsudin, Mejar Haziq Abdul Jalal dan Lt Al Ismail Ahmad.

"Inisiatif prihatin #JiwaMurni merupakan tugas sekunder ATM dalam membantu masyarakat, khususnya yang melibatkan aspek kebajikan, kesejahteraan dan pendidikan. Kami amat berbesar hati atas usaha sama ini dengan Bank Islam dan Malaysian Zoological Society kerana ia menzahirkan keprihatinan warga KEMENTAH dan ATM selain mendekatkan lagi kami dengan masyarakat," ujar beliau.

Dalam pada itu, Presiden Malaysian Zoological Society, Dato' Sr. Zaharin Md Arif yakin kemudahan surau yang telah dibina semula itu mampu memberi keselesaan kepada para pengunjung.



BANK ISLAM



“Secara tidak langsung, ia akan menarik lebih ramai pengunjung ke Zoo Negara untuk merasai pengalaman dan mengetahui keunikan pelbagai hidupan liar di sini dengan lebih dekat. Malaysian Zoological Society berterima kasih atas sokongan dan usaha yang diberikan Bank Islam, KEMANTAN dan ATM kepada kami,” katanya.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)